

17 JAN 1997

DR MAHATHIR: KALAU ADA TUDUHAN, KENA SIASAT

Oleh: Salmy Hashim

PALO ALTO, 17 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata dakwaan penyelewengan dalam pemberian tender syarikat Telekom Malaysia Berhad kepada sebuah syarikat telekomunikasi harus disiasat.

"Saya tak dapat banyak maklumat. Kalau ada tuduhan, kenalah siasat," katanya kepada media Malaysia di sini pada Khamis ketika diminta mengulas laporan yang kerajaan sedang menjalankan siasatan awal kemungkinan adanya penyelewengan dalam pemberian tender Telekom Malaysia kepada Ericsson.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengesahkan Rabu lepas kerajaan sedang menjalankan siasatan awal mengenai kemungkinan berlaku penyelewengan dalam pemberian tender itu.

Seorang eksekutif Ericsson di Malaysia dilaporkan berkata syarikatnya tidak mempunyai sebarang maklumat bahawa prosedur tender telah diabaikan dan "Ericsson sentiasa mematuhi standard etika perniagaan yang tinggi."

Sementara itu Ketua Eksekutif Telekom, Datuk Mohamed Said Mohamed yang menyertai rombongan Perdana Menteri dalam mempromosi Koridor Raya Multimedia (MSC) di Amerika Syarikat dilaporkan berkata Telekom akan menjalankan siasatan penuh atas dakwaan itu.

Dr Mahathir bagaimanapun enggan mengulas mengenai dakwaan berkenaan.

"Selagi tak selesai, saya tak berani komen," katanya.

Ditanya sama ada Anwar telah memberi taklimat kepadanya mengenai perkara berkenaan, Dr Mahathir berkata "Anwar ada sebut tetapi bukan secara terperinci."

-- BERNAMA

SH ZKS PR